

20/10/2003

Barat enggan akui diperalat bangsa Yahudi

JOHOR BAHRU: Negara Barat dan pemimpinnya tidak dapat menerima kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa mereka selama ini diperalatkan masyarakat minoriti dunia iaitu bangsa Yahudi.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin berkata, hakikat bangsa Eropah diperalatkan Yahudi untuk menguasai dunia bukan saja memalukan mereka, tetapi tidak dapat diterima generasi muda mereka.

Katanya, ucapan Perdana Menteri sebenarnya amat penting dalam suasana dunia yang semakin hilang arah bagi membolehkan masyarakat dunia sedar dalang sebenar di sebalik keadaan itu.

"Ia sekali gus menyedarkan bangsa Eropah, betapa hinanya mereka kerana dipergunakan oleh bangsa Yahudi untuk sekian lama," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau sebelum itu merasmikan Majlis Pertandingan Debat Kenegaraan Kumpulan Penonton, Pendengar dan Pembaca (K3P) Peringkat Kebangsaan 2003 di Auditorium RTM.

Turut hadir, Ketua Pengarah Perkhidmatan Penerangan, Datuk Mohamad Salleh Rafei merangkap Setiausaha K3P Kebangsaan serta Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Guna Tenaga, Belia, Sukan dan Kebudayaan Johor, Ahmad Zahri Jamil yang juga Pengerusi K3P negeri.

"Sebenarnya, ucapan beliau mengkritik umat Islam tetapi media antarabangsa yang dimiliki Yahudi hanya menyiarkan isu itu saja, bukan ucapannya secara keseluruhan.

"Isu yang lebih besar dalam ucapan itu ialah Dr Mahathir menolak terus usaha pengebom berani mati sama ada di Palestin atau di Iraq bagi membebaskan negara mereka daripada pencerobohan," katanya.